

Isnin, 16 March 2020 | 3:16pm



Antara keratan laporan berita palsu di BHOnline.

## COVID-19: 'Jangan tular, kongsi berita palsu'

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim  
[mohd\\_iskandar@bh.com.my](mailto:mohd_iskandar@bh.com.my)

**KUALA LUMPUR:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menafikan berita kononnya Kementerian Kesihatan (KKM) menggesa rakyat membeli barang keperluan asas kerana perintah berkurung akan dilaksanakan.

KPDNHEP dalam satu kenyataan memaklumkan, berita terbabit adalah palsu dan boleh menyebabkan kesan negatif kepada harga barang keperluan harian pengguna.

"Berita atau mesej berkaitan cadangan KKM supaya rakyat mula membeli barang keperluan asas dan perintah berkurung adalah palsu.

"KPDNHEP berharap tiada pembelian panik dilakukan kerana situasi ini akan lebih mendatangkan kesan negatif kepada harga dan bekalan barang keperluan harian pengguna," katanya menerusi akaun Facebook rasmi kementerian itu, hari ini.

Murut kenyataan itu, pegawai penguat kuasa KPDNHEP akan melakukan pemeriksaan dan pemantauan berterusan ke atas harga serta bekalan barang keperluan.

Sementara itu, Timbalan Menteri KPDNHEP, Datuk Rosol Wahid, menasihatkan peniaga supaya lebih beretika dalam menjalankan urusan mereka terutama ketika negara berdepan dengan wabak COVID-19.

"Jangan lakukan pembelian panik dan dapatkan maklumat sahih daripada KKM. Peniaga pula diminta lebih beretika dan jangan hanya memikirkan keuntungan semata-mata.

"Anggota dan pegawai penguat kuasa KPDNHEP akan melakukan pemeriksaan dengan lebih kerap supaya tiada peniaga mengambil kesempatan," katanya.

